

19/03/2001

Sejauh mana sokongan BN Sabah kepada Chong

Lichong Angkui

SABAH mendapat Ketua Menteri baru - seorang yang dianggap mempunyai ketokohan tersendiri, daya kepemimpinan dan berhemah tinggi.

Pelantikan Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Datuk Chong Kah Kiat, bukan saja menjawab pelbagai ramalan dan teka-teki, malah dikatakan bakal membawa era baru dalam corak dan cara kepemimpinan.

Ini kerana cara kerja dan pengalamannya di Kuala Lumpur dahulu mungkin diadaptasi dalam pentadbiran negeri, selaras dengan matlamat mencapai wawasan kepemimpinan negara.

Untuk itu, Chong perlu diberikan sokongan padu oleh setiap pimpinan parti komponen Barisan Nasional (BN) sebagaimana mandat diberikan kepada Perdana Menteri bagi memutuskan perkara itu.

Untuk mentadbir sebuah kerajaan yang berkesan, Chong memerlukan sokongan kuat semua pihak kerana beliau adalah Ketua Menteri semua kaum.

Tetapi persoalan timbul sejauh mana komitmen sokongan parti komponen BN Sabah kepada Chong. Ini kerana kepulangan Chong ke Kota Kinabalu kelmarin - sehari selepas diumumkan sebagai Ketua Menteri baru - disambut dingin oleh kerabat BN Sabah.

Kehadiran hanya seorang menteri penuh dan tiga pembantu menteri menyambutnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAK), menimbulkan persoalan dan tanda tanya apakah Chong mampu menyatukan perjuangan dalam arus perdana.

Kecuali Bendahari Umno dan Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Musa Aman, tidak ada wakil parti komponen lain untuk menghulur tangan mengalukan kepulangan Chong yang juga Menteri Pembangunan Pelancongan Alam Sekitar Sains dan Teknologi Sabah.

Yang ramai hadir kelmarin ialah pegawai kementeriannya, termasuk Pembantu Menteri, Datuk Nahalan Damsal, serta penyokong parti LDP pimpinannya.

Persoalannya, ke mana rakan-rakan Chong yang lain dalam Kabinet Sabah? Kenapa tidak ada wakil parti komponen lain seperti Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun/Murut Bersatu (Upko) dan Angkatan Keadilan Rakyat Sabah (Akar) - yang dikatakan sudah akur serta menyokong penuh pelantikan Chong bagi menggantikan Datuk Osu Sukam?

Sedangkan pemimpin parti komponen terbabit, dalam reaksi awal sejeurus pengumuman dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akur dan berjanji memberi sokongan padu kepada Chong.

Malah, ada yang secara terus-terang menyifatkan pelantikan Chong sesuatu yang bertepatan, sambil meyakini kewibawaannya untuk menerajui kepemimpinan negeri menyongsong perjuangan pada alaf baru.

Namun, ketidakhadiran pemimpin kanan mewakili parti komponen menimbulkan tanda tanya sejauh mana komitmen sokongan sebenar mereka terhadap Chong sebagai Ketua Menteri ke-13.

Untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang berkesan, Chong memerlukan sebuah Kabinet yang kukuh, mantap dan boleh bekerjasama dalam erti kata sebenarnya. Justeru, sebarang perubahan atau rombakan Kabinet yang bakal dilakukan tentunya menjurus ke arah itu.

Dalam sidang akhbaranya sejeurus selepas ketibaannya kelmarin, Chong mengakui akan membuat sedikit perubahan dalam Kabinet negeri dan ia sudah dibincangkan bersama Perdana Menteri di Kuala Lumpur.

"Rombakan Kabinet akan dilakukan dengan membabitkan perubahan ketara,

termasuk kedudukan (menteri dan pembantu menteri) dalam barisan baru kerajaan negeri.

"Senarai berkenaan akan diserahkan kepada Dr Mahathir minggu depan bagi membolehkan barisan Kabinet baru dan Ketua Menteri mengangkat sumpah serentak di Istana Negeri," katanya.

Istiadat angkat sumpah dijangka diadakan pada 26 Mac kerana minggu ini Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai, akan ke Kuala Lumpur menghadiri mesyuarat Majlis Raja-Raja, diikuti lawatan Perdana Menteri ke Sabah pada 24 dan 25 Mac.

Mengenai kemungkinan ada pihak kecewa dengan pelantikannya, Chong berkata, beliau tidak percaya ada kalangan kerabat BN yang berasa demikian.

"Saya percaya semua pihak dalam BN perlu bersabar dan bekerjasama. Kita tidak boleh terlalu menumpukan perhatian kepada jawatan Ketua Menteri.

"BN bergerak sebagai satu kumpulan, bukan secara individu. Sama ada seseorang itu berada dalam Kabinet atau tidak, semua pihak daripada ahli biasa sehingga kepada pemimpin mempunyai tanggungjawab masing-masing untuk dilaksanakan," katanya.

Sambil berikrar akan melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab, Chong berkata, anggota kerabat BN Sabah tentu sudah melihat dan mengambil iktibar daripada pelbagai perkembangan dalam politik Sabah selama ini.

Hakikatnya, Chong perlu menunjukkan kerja keras, ikhlas, bersih, cekap dan amanah untuk mengekalkan kewibawaan pimpinan kerajaan negeri dan sokongan berterusan rakyat.

Ini penting untuk menentukan pembangunan berterusan dan kestabilan berkekalan kerana politik Sabah umpama Gunung Kinabalu, iaitu gunung berapi pendam yang boleh meledakkan lahar pada bila-bila masa.

(END)